

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ACO**

**MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
PERINGKAT ANGKASA 1444H**

**14 OKTOBER 2022 (JUMAAT)
17 RABIULAWAL 1444H
10:00 PAGI**

AUDITORIUM ANGKASA WISMA UNGKU A. AZIZ, KELANA JAYA

Bismillaahir rahmaanir rahiim.
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu
Wassalamu 'Ala-Asyrafil Anbiya'e Wal

Mursalin Saidina Muhammadin Wa'ala
Alihi Wasahbihi Ajma'in.

Segala puji bagi Allah
Subhanahuwata'ala. Selawat dan
salam ke atas junjungan besar kita Nabi
Muhammad Sallallahu alaihiwasallam.

Terima kasih Pengacara Majlis.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahtera.

YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Hj. Abdul
Rahman Abdul Razak Shaik

Timbalan Presiden ANGKASA,

Anggota Lembaga ANGKASA;

YBhg. Datuk Hj. Mohamad Ali Hasan,

YBhg. Dato' Hj. Kamarudin Ismail,

YBhg. Dr. Hj. Mohd. Azlan Yahya,

Y.Bhg Dato' Hj. Che Mohd Shukree Che
Isa.

YBhg. Dato' Hj. Mohd Alias Hamzah
Pengerusi JPAN Selangor

YBhg. Datuk Hj. Abdul Razak Hussain
Pengerusi JPAN Wilayah Persekutuan

Barisan Jawatankuasa Kebangsaan
ANGKASA (*secara zoom*)

Pengerusi dan Barisan Ahli
Jawatankuasa Audit Dalaman
ANGKASA

YBhg. Dato' Hj. Abdullah Hj. Jusoh
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
ANGKASA

En. Hasnan Mustapha
Setiausaha Eksekutif

Barisan Penasihat Korporat ANGKASA

Al-Fadhil Ustaz Hj. Dzulkarnain Hamzah
Pendakwah Bebas

Pengurusan Kanan ANGKASA, Anak-anak Syarikat ANGKASA, Yayasan ANGKASA dan KOPSYA serta Kakitangan ANGKASA sekalian.

Syukur ke hadrat Ilahi, di atas limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama

berkumpul dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat ANGKASA bagi tahun 1444 H, bersamaan tahun 2022 Masihi.

Terlebih dahulu, tahniah kepada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia atas penganjuran majlis ini.

**Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah
sekalian**

1. Islam merangkumi tiga aspek penting iaitu akidah, syariat dan akhlak. Sebagai umat Nabi Muhammad SAW, menjadi tugas kita umat akhir zaman dalam menyebarkan adab dan akhlak yang diajarkan Baginda. Perjuangan yang direntas Baginda

Rasulullah dalam menyebarkan dakwah Islamiah tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Kejayaan dakwah Rasulullah SAW adalah kerana kehebatan akhlak Baginda.

2. Hasil perjuangan Baginda Rasulullah SAW dan pengorbanan para sahabat Baginda, maka kita semua dapat mengecapi nikmat iman dan Islam.

3. Menjadi kelaziman kita menyambut Maulidur Rasul pada setiap

tahun sebagai menzahirkan kecintaan kepada Baginda Rasulullah SAW. Majelis Maulidur Rasul dianggap sebagai sebuah medan untuk menarik masyarakat untuk bersama-sama berkumpul, mendengar tazkirah, bermuhasabah, berzikir, memberi

nasihat serta berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

4. Membesarkan Maulidur Rasul samalah seperti kita membesarkan Islam. Ini kerana Rasulullah SAW umpama simbol bagi agama Islam.

Kelahiran dan perutusan Baginda merupakan satu nikmat dan rahmat kepada seluruh alam.

Firman Allah SWT, di dalam Surah Al-Anbiyaa, ayat 107; yang bermaksud:

“Dan tiadalah Kami mengutus engkau, (wahai Muhammad) melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi sekalian alam.”

5. Kita hendaklah memperbanyak selawat dan pujian ke atas Rasulullah

SAW. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi Muhammad SAW; wahai orang-

orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.”
(Surah Al-Ahzaab ayat 56).

6. Hal ini disemarakkan dengan kelebihan selawat yang disebutkan oleh Nabi SAW:

“Sesiapa yang mengucapkan selawat kepadaku satu kali maka Allah akan berselawat baginya sepuluh kali, dan digugurkan sepuluh kesalahan

(dosa)nya, serta ditinggikan baginya sepuluh derajat/tingkatan (di syurga kelak).” (Riwayat al-Nasa’i)

7. Selain alunan selawat ke atas Baginda, perarakan, ceramah agama, majlis khatam al-Quran, menceritakan

sirah dan mengenali sunah Baginda untuk diamankan, kisah-kisah ketika Baginda dilahir dan dibesarkan serta keistimewaan Baginda serta ahli keluarga Baginda antara cara untuk kita mengingati dan menambah perasaan

cinta kasih kepada Baginda Rasulullah SAW.

8. Justeru, sebagai tanda manifestasi seorang umat terhadap pemimpin paling agung sepanjang zaman, ia dizahirkan menerusi pengisian program

kerohanian yang mendekatkan kita kepada Rasulullah SAW sempena sambutan Maulidur Rasul.

9. Selain itu, sambutan ini secara tidak langsung akan membantu anak-anak muda zaman sekarang supaya

mengenali siapa Nabi Muhammad SAW, kelebihan dan kehebatan Baginda.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian

10. Rasulullah SAW merupakan contoh terbaik kepada umat manusia dalam segala aspek kehidupan. Sejak zaman Baginda Rasulullah SAW, banyak transformasi telah dilakukan untuk kebaikan umat Islam. Transformasi insani ini lahir daripada kasih sayang dan

keprihatinan Baginda terhadap kesejahteraan umat sebagaimana yang disebut di dalam Surah At-Taubah ayat ke-128:

“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan

kamu sendiri (yaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu dan dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada

orang-orang yang beriman”.

11. Kita percaya bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan suri teladan yang terbaik untuk umat manusia. Hal ini seperti mana firman

Allah SWT dalam Surah Al-Ahzab ayat 21:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, yaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat,

serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

12. Akhir kalam, saya mengajak seluruh barisan kepemimpinan dan warga ANGKASA agar bersama-sama

meneladani sikap dan akhlak mulia Baginda Rasulullah SAW dalam mengangkat ukhwah insaniah dan persaudaraan kemanusiaan serta mengadaptasinya dalam kehidupan seharian kita.

Wabillahi taufik
Assalamualaikum
wabarakatuh.

wal hidayah
warahmatullahi

Terima kasih.